

Pengaruh Kitab *Minhāj Al-Ṭālibīn*, Karya Al-Imam Al-Nawawi dalam Bab Munakahat, Kitab *Mir'at Al-Ṭullāb*, Karya Syeikh Abdul Rauf Al-Singkili

The Effect of *Minhāj Al-Ṭālibīn*, by Al-Imam Al-Nawawi in Munakahat (Marriage System) Chapter, *Mir'at Al-Ṭullāb*, by Syeikh Abdul Rauf Al-Singkili's

ALYASAK BIN BERHAN & MOHD SYUKRI YEOH BIN ABDULLAH

ABSTRAK

Makalah ini menelusuri tentang pengaruh Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn Wa 'Umdah al-Muftīn*, karya al-Imam Abū Zakaria Muhyiddīn Yahya bin Syaraf al-Nawawi dalam bab munakahat, *Mir'at al-Ṭullāb fī Tashīl Ma'rifat Ahkām al-Syar'iyah li al-Malik al-Wahhāb*, karya Syeikh Abdul Rauf al-Singkili. Penulisan ini menggunakan pendekatan analisis teks dan analisis sejarah. Hasil daripada perbincangan ini menemukan bahawa Kitab *Mir'at al-Ṭullāb* telah merujuk pelbagai karya fiqah aliran Mazhab Syafi'i yang muktabar. Namun begitu, Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn*, karya Imam Abū Zakaria Muhyiddīn Yahya bin Syaraf al-Nawawi adalah antara rujukan penting dalam bab munakahat, *Mir'at al-Ṭullāb*.

Kata kunci: *Minhāj al-Ṭālibīn*; al-Imam al-Nawawi; Munakahat; *Mir'at al-Ṭullāb*; Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri al-Singkili

ABSTRACT

This paper explores the influence of *Minhāj al-Ṭālibīn Wa 'Umdah al-Muftīn*, by Imam Abū Zakaria Muhyiddīn Yahya bin Syaraf al-Nawawi in Munakahat (marriage system) Chapter, *Mir'at al-Ṭullāb fī Tashīl Ma'rifat Ahkām al-Syar'iyah li al-Malik al-Wahhāb*, by Syeikh Abdul Rauf al-Singkili's. This writing uses a text and historical analysis approach. The result of this discussion finds that *Mir'at al-Ṭullāb* correlates to Shafi'i fiqh (Islamic jurisprudence) works. The Book of *Minhāj al-Ṭālibīn*, by Imam Abū Zakaria Muhyiddīn Yahya bin Syaraf al-Nawawi is one nevertheless of the most important references in the Munakahat Chapter, *Mir'at al-Ṭullāb*.

Keywords: *Minhāj al-Ṭālibīn*; al-Imam al-Nawawi; Munakahat; *Mir'at al-Ṭullāb*; Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Singkili's

PENDAHULUAN

Judul penuh karya Syeikh Abdul Rauf Bin Ali al-Fansūri al-Singkili yang dibincangkan ini ialah *Mir'at al-Ṭullāb fī Tashīl Ma'rifat Ahkām al-Syar'iyah li al-Malik al-Wahhāb* atau "Cermin bagi penuntut ilmu bagi memudahkan mereka mengenal segala hukum syarak Allah", selepas ini disebut sebagai *Mir'at al-Ṭullāb*. Kandungan Kitab *Mir'at al-Ṭullāb* ini meliputi pelbagai aspek kehidupan bermasyarakat, iaitu bab muamalat, wakaf, faraid, wasiat, pembahagian zakat, jenayah, perang sabil, sembelihan, korban, akikah, sumpah, nazar, kehakiman dan sistem hamba termasuklah sistem munakahat. Namun, bab Munakahat adalah antara bab terpenting dan kedua terpanjang yang telah dihurai oleh Syeikh Abdul Rauf dalam *Mir'at*

al-Ṭullāb. Ia merangkumi lima belas sub tajuk utama dalam bab munakahat, iaitu hukum nikah, mahram, *khiyar* (bubar) dan *i'faf* (memelihara bapa dan datuknya daripada melakukan perkara haram), mahar, giliran bermalam dan nusyuz, khuluk, talak, rujuk, *ila'*, zihar, *li'an* dan qazaf, idah, *istibra'*, penyusunan dan nafkah.

Walau bagaimanapun, karya fiqah Syeikh Abdul Rauf al-Singkili ini masih berbentuk manuskrip, iaitu tulisan tangan yang tersimpan di beberapa perpustakaan dan koleksi peribadi seperti Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Koleksi Universiti Syiah Kuala, Aceh, Koleksi Peribadi Zawiyah Tanoh Abee, Aceh, Koleksi Peribadi Perpustakaan Ali Hasymy, Aceh, Perpustakaan Nasional Jakarta, Indonesia dan lain-lain lagi.

NASKHAH *MIR'AT AL-ṬULLĀB*

Mir'at al-Ṭullāb fī Tashīl al-Ma'rifat Ahkām al-Syar'iyah li al-Malik al-Wahhāb, karya Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansūri al-Singkīli (1620-1693 Masihi/1029-1104 Hijrah) ditulis atas permintaan Sultanah Tāj al-Alam Safiatuddīn Syāh (1641-1675 Masihi bersamaan 1050-1085 Hijrah). Kitab *Mir'at al-Ṭullāb* ialah karya fiqh pertama berbahasa Melayu disusun di Alam Melayu secara sempurna berkaitan perbahasan muamalat, munakahat dan jenayah.

Kitab ini selesai disusun pada tahun 1074 Hijrah bersamaan 1663 Masihi dan telah dipersembahkan kepada Baginda Sultanah Safiatuddīn pada 8 Jamadilakhir 1083 Hijrah bersamaan 1 Oktober 1672 Masihi. Seterusnya, karya ini telah menjadi kitab rujukan utama undang-undang syariah dalam Kesultanan Aceh Darussalam dan kesultanan-kesultanan Melayu seperti Kerajaan Mindanao dan Kesultanan Batjan, Sulawesi (A. Ginanjar 2017: 30-31; H.M Zainuddin 1961: 261). Kitab ini juga ditulis untuk dijadikan panduan penghayatan masyarakat Alam Melayu, khususnya untuk para kadi seperti dalam catatan *Mir'at al-Ṭullāb* (Al-Singkīli 1184H: 3-4).

Justeru itu, sebarang percubaan untuk mengkaji dan mentahkikkan keseluruhan teks *Mir'at al-Ṭullāb* mestilah berdasarkan beberapa manuskrip yang berbeza daripada beberapa tempat yang berbeza. Selain itu, terdapat sekurang-kurangnya empat puluh tujuh manuskrip *Mir'at al-Ṭullāb* diketahui wujud seperti mana berikut:

1. Sebelas naskhah di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia seperti mana berikut:
 - a. MS 1046 [250] ff., 23.5 x 16 sm., 19 baris, 252 halaman (Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia 1993: 80). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 20 dan 25 April 2017, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi awal bab muamalat hingga bab faraid sahaja. Tanpa tahun.
 - b. MSS 2470 [236] ff., 31 x 21.5 sm., 25 dan 27 baris. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 20 dan 25 April 2017, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi awal bab muamalat hingga bab qisas sahaja. Tanpa tahun.
 - c. MSS 2674 [252] ff., 23.6 x 16.2 sm., 21 baris. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 20 dan 25 April 2017, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab muamalat hingga bab pembahagian zakat. Tanpa tahun.
 - d. MSS 3564 [ff.1v.-56v.], 32.8 x 20.8 sm., 29 baris (Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Malaysia 2008: 27). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 20 dan 25 April 2017, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi awal bab muamalat hingga bab penyusunan sahaja. Tanpa tahun.
 - e. MSS 3524 [329] ff., 32 x 18.6 sm., 25 baris (Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Malaysia 2008: 10). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 20 dan 25 April 2017, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi awal bab muamalat hingga bab perhambaan sahaja. Tanpa tahun.
 - f. MSS 3808 [ff.2r.- 216r.], 22.5 x 16.5 sm., 18-19 baris (Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Malaysia 2008: 109). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 20 dan 25 April 2017, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab muamalat hingga bab laqit sahaja (pertengahan Bab Muamalat). Tahun 1215 Hijrah (1800 Masihi).
 - g. MSS 3858., 16 x 22.5 sm., 19 baris (Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Malaysia 2008: 137). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 20 dan 25 April 2017, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab muamalat hingga bab pembahagian zakat sahaja. Tanpa tahun.
 - h. MSS 3867., 30.5 x 21 sm., 27 baris. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 20 dan 25 April 2017, ditemukan naskhah ini melengkapi bab muamalat, bab munakahat dan bab jenayah. Tahun 1074 Hijrah (1663 Masihi).
 - i. MSS 4288 [ff. 3v.- 184r.], 31.5 x 19 sm., 29 baris (Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Malaysia 2012: 52-53). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 20 dan 25 April 2017, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab munakahat hingga bab hamba sahaja. Tahun 1160 Hijrah (1700 Masihi).

- j. MSS 4551 [277] ff., 20.5 x 14.5 sm., 21 baris (Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Malaysia 2015: 100). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 20 dan 25 April 2017, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab muamalat hingga bab pembahagian zakat sahaja. Tanpa tahun.
2. Enam naskhah di Perpustakaan Nasional Indonesia, Jakarta seperti mana berikut:
- a. A 234, 696 halaman, Rol 559.03 (Behrend 1998: 9), 28.5 x 19 sm., 27 baris. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 25 November 2018, ditemukan naskhah ini melengkapi bab muamalat, bab munakahat dan bab jenayah. Tanpa tahun.
- b. A 581, 376 halaman (Behrend 1998: 18). Tanpa tahun.
- c. ML 289 Mir'at al-Tullab 107 halaman. Tanpa tahun. [R#562], Rol 409.01 (Behrend 1998: 287). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 25 November 2018, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi sebahagian bab muamalat hingga bab pembahagian rahn sahaja.
- d. ML 399 Mir'at al-Tullab 193 halaman. Tanpa tahun. [R#563], Rol 420.02 (Behrend 1998: 290). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 25 November 2018, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab jenayah sahaja.
- e. ML 445 Mir'at al-Tullab 814 halaman. Tahun 1824, Rol 425.03 (Behrend 1998: 291). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 25 November 2018, ditemukan naskhah ini melengkapi bab muamalat hingga bab jinayat.
- f. ML 473 Mir'at al-Tullab 279 halaman, Rol 428.08 (Behrend 1998: 291). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 25 November 2018, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab muamalat sahaja. Tahun 1262 Hijrah.
3. Sembilan naskhah di Muzium Aceh, Banda Aceh, Indonesia seperti mana berikut:
- a. No. Indeks 07.152 MNA-27 (1876) berukuran 32 x 21 sm. x 622 halaman, 22 baris (Koleksi Naskhah-naskhah Fikih 2011: 62). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi sebahagian bab muamalat, sebahagian bab munakahat dan sebahagian bab jenayah. Tanpa tahun.
- b. No. Indeks 07.1060 MNA-28 (3947) berukuran 34 x 21 sm. x 615 halaman, 27 baris (Koleksi Naskhah-naskhah Fikih 2011: 63). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi sebahagian bab muamalat, sebahagian bab munakahat dan sebahagian bab jenayah. Tanpa tahun.
- c. No. Indeks 07.494 berukuran 15 x 21 sm. x 322 halaman, 19 baris. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi sebahagian bab munakahat dan sebahagian bab jenayah. Tanpa tahun.
- d. No. Indeks 07.1604 berukuran 15.5 x 21 sm. x 64 halaman, 21 baris. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi sebahagian bab muamalat sahaja. Tanpa tahun.
- e. No. Indeks 07.1702/3094 berukuran 21 x 33 sm. x 475 halaman. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab muamalat, sebahagian bab munakahat dan sebahagian bab jenayah. Tanpa tahun.
- f. No. Indeks 07.1469 berukuran 29 x 20 sm. x 524 halaman. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab muamalat dan sebahagian bab munakahat. Tanpa tahun.
- g. No. Indeks 07.1296/3633 berukuran 22.5 x 16 sm. x 491 halaman, 19 baris. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi sebahagian bab muamalat dan sebahagian bab jenayah. Tanpa tahun.
- h. No. Indeks 07.394 berukuran 14 x 20.5 sm. x 31 halaman, 21 baris. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi sebahagian bab muamalat sahaja. Tanpa tahun.

- i. No. Indeks 07.384 / No. Lama: 2822 berukuran 21 x 15 / 14.5 x 9.5 sm. x 45 halaman, 19 baris (Katalog Naskhah Museum Aceh 2012: 111). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi sebahagian bab muamalat sahaja. Tanpa tahun.
4. Tujuh naskhah di Zawiah Tanoh Abee, Aceh seperti mana berikut:
 - a. MS No. 3 Mir'at al-Tullab 456 halaman. Tanpa tahun (Wamad Abdullah dkk. 1980: 1).
 - b. MS No. 6 Mir'at al-Tullab tahun 1083 Hijrah (1672 Masihi), 649 halaman (Wamad Abdullah dkk. 1980: 1).
 - c. MS No. 24 Mir'at al-Tullab 120 halaman (Wamad Abdullah dkk. 1980: 4). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 2 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab nikah sahaja. Tanpa tahun.
 - d. MS No. 25 Mir'at al-Tullab 101 halaman (Wamad Abdullah dkk. 1980: 4). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 2 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab nikah hingga bab rujuk sahaja. Tanpa tahun.
 - e. MS No. 26 Mir'at al-Tullab 156 halaman (Wamad Abdullah dkk. 1980: 4). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 2 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi sebahagian bab muamalat. Tanpa tahun.
 - f. MS 2X4.1 Mir'at al-Tullab tahun 1083 Hijrah (1672 Masihi), 650 halaman (Wamad Abdullah dkk. 1980: 44). Naskhah ini melengkapi kesemua bab muamalat hingga bab jenayah.
 - g. MS 2X4.3 Mir'at al-Tullab 120 halaman. Tanpa tahun (Wamad Abdullah dkk. 1980: 50).
 5. Lima naskhah dalam Koleksi A. Hasjmy, Aceh seperti mana berikut:
 - a. 105/FK/1/YPAH/2005 Mir'at al-Tullab berukuran 27.5 x 19 sm. x 335 halaman, 21 baris, tanpa tahun (Jelani Harun 2013: 132). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi bab munakahat hingga akhir bab perhambaan.
 - b. 218/FK/2/YPAH/2005 Mir'at al-Tullab tahun 1083 Hijrah (Jelani Harun 2013: 133). Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 3 Disember 2019, ditemukan naskhah ini melengkapi semua bab muamalat hingga bab jenayah.
 - c. 6/26/Fk-13/TA/2006 Mir'at al-Tullab, 384 halaman, 22.5 x 29.5 sm. Tanpa tahun (Jelani Harun 2013: 133).
 - d. 7/25/Fk-14/TA/2006 Mir'at al-Tullab, 194 halaman, 21 x 30 sm. Tanpa tahun (Jelani Harun 2013: 133).
 - e. 9/24/Fk-15/TA/2006 Mir'at al-Tullab, 234 halaman, 17.5 x 24 sm. Tanpa tahun (Jelani Harun 2013: 133).
 6. Lima naskhah di Perpustakaan Leiden University, Belanda seperti mana berikut:
 - a. MS Cod. Or. 1633 tanpa tahun. Naskhah ini mengandungi bab muamalat, munakahat dan jenayah (Jelani Harun 2013: 123).
 - b. MS Cor. Or. 3255 tanpa tahun. Naskhah ini mengandungi bab muamalat dan munakahat (Jelani Harun 2013: 123).
 - c. MS Cod. Or. 5834 tahun 1083 Hijrah. Naskhah ini mengandungi bab muamalat, munakahat dan jenayah (Jelani Harun 2013: 124).
 - d. MS Cod Or. 5837 tahun 1274 Hijrah (1858 Masihi). Naskhah ini lengkap (Jelani Harun 2013: 124).
 - e. MS Cod Or. 7651 tahun 1105 Hijrah (1694 Masihi). Naskhah yang lengkap (Jelani Harun 2013: 124).
 7. Satu naskhah di Perpustakaan British, London, iaitu kod Or. 16035 tahun 1178 Masihi (1764 Masihi); 224 ff. 30 x 21 sm. 25 baris (Jelani Harun 2013: 134).
 8. Satu naskhah di Staatsbibliothek Preussischer Kulturbesitz, Berlin, iaitu MS Or. Fol. 3352. tahun 1285 Hijrah (1868 Masihi). 326 ff, 34.5 x 21 sm. (Katalog Manuskrip Melayu di Jerman Barat 1992: 43-45).
 9. Satu naskhah dalam Koleksi Universiti Syiah Kuala, Aceh, iaitu 4776/091/Syiah/M (Koleksi Universiti Syiah Kuala, Aceh). 649 halaman, 13.5 x 21.5 sm. 25 baris/halaman. Tahun 1083 Hijrah.

10. Satu naskhah dalam Koleksi Muzium Pedir, Aceh. Menurut kajian lapangan yang telah dilakukan pada 2 Disember 2019, ditemukan naskhah ini hanya mengandungi sebahagian bab muamalat, sebahagian bab munakahat dan sebahagian bab jenayah. Tanpa tahun.

Berdasarkan keseluruhan teks-teks tersebut, kajian ini akan menggunakan teks Manuskrip koleksi Zawiyah Tanoh Abee, Aceh: MS 2X4.1.

BIODATA RINGKAS PENGARANG KITAB *MIR'AT AL-ṬULLĀB*

Nama pengarang Kitab *Mir'at al-Ṭullāb* ialah Syeikh Abdul Raūf bin Ali al-Fansūri al-Singkīli al-Ashi al-Jāwi. Beliau dilahirkan di Kampung Suro, Singkel, Kabupaten Aceh Selatan (Van Hove 1986: 88; Peunoh Daly 1994: 15). Beliau lebih dikenali dengan panggilan Teungku Syiah Kuala (Teungku Syeikh Kuala) (A. Hasjmy 1977: 108). Selain itu, beliau juga pernah mendapat gelaran lain, seperti Aminuddin, Maulana, Syeikh, al-Imam al-Arif, Fakir dan Syeikh di Kuala (Mohd Syukri 2009: 19).

Penisbahan Syeikh Abdul Raūf kepada al-Fansūri adalah bersempena kampung asal ibundanya, iaitu Fansur, Barus dan penisbahan al-Singkīli kepada beliau adalah merujuk kepada tempat asalnya, iaitu Singkel (Peunoh Daly 1994: 16). Penisbahan al-Ashi pula adalah bagi menunjukkan negara Aceh (al-Ashi) dan al-Jāwi bagi menunjukkan bahawa beliau berketurunan asli peribumi di Nusantara (al-Jāwi) (Mohd Syukri 2009: 20).

Para sarjana telah berbeza pandangan mengenai tahun kelahiran Syeikh Abdul Raūf. Menurut Van Hove (1986: 88) dan Peunoh Daly (1994: 15), Syeikh Abdul Raūf telah dilahirkan pada tahun 1620 Masihi. Manakala menurut satu pendapat lagi, beliau lahir pada tahun 1024 Hijrah bersamaan 1615 Masihi. Pendapat ini turut dipersetujui oleh sebilangan besar sarjana, seperti D.A. Rinkes (1909: 26), A.H. Johns (1955: 55), Peter G. Riddell (1987: 4), Teuku Iskandar (1965: 195), Azyumardi Azra (1995: 189), Mohd Ariffin Ismail (1998: 50), Oman Fathurrahman (1999: 25), Mohd Syukri (2008: 127-128; 2009: 26) dan Jelani Harun (2013: 121). Selain itu, menurut pendapat Ali Hasjmy (1971: 197), Al-Chaidar (1999: 49) dan Mohd Daud (2002: 4), Syeikh Abdul Raūf lahir pada tahun 1001 Hijrah bersamaan 1593 Masihi manakala Mohammad Said (1981: 413) dan H. Nazar (2002: 20) berpendapat Syeikh Abdul Raūf lahir pada tahun 1620 Masihi.

Syeikh Abdul Raūf telah mendapat pendidikan awal daripada bapanya di Zawiyah (pusat pengajian) Suro Lipat Kajang Simpang Kanan, Singkel, Aceh Selatan (Peunoh Daly 1994: 17-18; Mohd Syukri 2008: 133). Kemudian beliau meneruskan pengajian di Zawiyah Oboh Simpang Kiri yang berada di bawah pimpinan Syeikh Hamzah al-Fansuri. Selepas itu, beliau telah berhijrah ke Pasai dan meneruskan pengajiannya di Zawiyah Geudong yang dipimpin oleh Syeikh Syamsuddin al-Sumatrāni sebelum melanjutkan pelajarannya di Semenanjung Tanah Arab selama 19 tahun (Peunoh Daly 1994: 17-18; Mohd Syukri 2008: 133-141). Menurut Mohd Syukri (2008: 140-141; 2009: 36-37), Syeikh Abdul Raūf telah merantau ke luar negeri untuk melanjutkan pelajarannya sekitar tahun 1642 atau 1643 Masihi, iaitu selepas 12 atau 13 tahun gurunya Syeikh Syamsuddin al-Sumatrāni meninggal dunia.

Semasa di Semenanjung Tanah Arab, Syeikh Abdul Raūf berkesempatan menuntut ilmu pengetahuan di Zabid (Yaman), Bayt al-Faqīh (Yaman), Mekah dan Madinah. Beliau juga berkesempatan menimba ilmu pengetahuan dengan tidak kurang daripada 19 orang guru dan menjalinkan hubungan keilmuan dengan 29 orang ulama sehingga beliau berjaya menguasai pelbagai bidang ilmu (Al-Singkīli, MS 1314, C: 116-117; Peunoh Daly 1994: 18-19; Teuku Iskandar 1965: 196; Azyumardi Azra 1995: 191-193; Wan Muhammad 1991: 128-131; Mohd Syukri 2008: 141-147).

Setelah menamatkan pengajiannya di Semenanjung Tanah Arab, Syeikh Abdul Raūf telah kembali ke Barus untuk meneruskan dakwah menyebarkan Islam di zawiyah almarhum bapanya. Sekitar tahun 1661-1662 Masihi, beliau telah dilantik menjadi Qadhi Malik al-Adil/Mufti Besar Kerajaan Aceh pada zaman Sultanah Tāj al-Alam Safiatuddīn Syāh (1641-1675 M). Beliau terus-menerus menjawat jawatan tersebut sehingga beliau meninggal dunia (1693 Masihi), iaitu bermula daripada era pemerintahan Sultanah Tāj al-Alam Safiatuddīn Syāh (1641-1675 M), Sultanah Nūr al-Alam Naqiyatuddīn Syāh (1675-1678 M), Sultanah Ināyat Syāh Zakiyatuddīn Syāh (1678-1688 M) dan Sultanah Kamālāt Syāh (1688-1699 M) (Mohd Syukri 2008: 149-150; 2009: 17).

PENGARUH KITAB *MINHĀJ AL-ṬĀLIBĪN* DALAM *MIR'AT AL-ṬULLĀB*

Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn Wa 'Umdah al-Muftīn* ialah karya Imam Abū Zakaria Muhyiddīn Yahya bin

Syaraf al-Nawawi (631 Hijrah-676 Hijrah). Kitab ini adalah salah sebuah kitab fiqh aliran Mazhab Syāfi‘i yang masyhur. Kitab ini juga mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam mempelajari fiqh aliran Mazhab Syāfi‘i. Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* ini ialah ringkasan daripada Kitab *al-Muḥarrar*, karya Imam al-Rāfi‘i. Justeru, sesiapa yang membaca Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* ini seolah-olah telah membaca dan mengetahui berkaitan usul kitab-kitab fiqh aliran Mazhab Syāfi‘i yang terkandung di dalam Kitab *al-Muḥarrar* sehingga kitab al-Umm. Bahkan, Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* ini mengandungi tidak kurang daripada 70 ribu permasalahan hukum-hukum fiqh yang penting (Al-Ahdal 2005: 619).

Oleh kerana Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* ini mempunyai kedudukan yang penting dalam fiqh aliran Mazhab Syāfi‘i, maka kitab ini telah mempengaruhi penyusunan bab munakahat, *Mir‘at al-Ṭullāb*. Justeru, susunan bab dan sub-topik bab munakahat, *Mir‘at al-Ṭullāb* sama seperti mana susunan bab munakahat, Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn*. Bab munakahat dalam kedua-dua kitab ini dimulai dengan perbincangan hukum nikah, mahram, *khiyar* (bubar) dan *i‘faf* (memelihara bapa dan datuknya daripada melakukan perkara haram), mahar, giliran bermalam dan nusyuz, khuluk, talak, rujuk, *ila‘*, zihar, li‘an dan qazaf, idah, *istibra‘*, penyusunan dan nafkah.

Hal ini disebabkan Kitab *Mir‘at al-Ṭullāb* disusun dan diolah berdasarkan Kitab *Fath al-Wahhāb bi Syarḥ Manhaj al-Ṭullāb*, karya al-Imam Abū Yahya Zakaria al-Anṣārī sepertimana yang telah disebutkan oleh Syeikh Abdul Rauf Bin Ali al-Fansūrī al-Singkīli (1184H: 4). Manakala Kitab *Fath al-Wahhāb* ini pula ialah huraian bagi ringkasan Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn*, iaitu *Manhaj al-Ṭullāb*, karya al-Imam Abū Yahya Zakaria al-Anṣārī (al-Ansari t.th: 2). Justeru, Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* ini sangat mempengaruhi penyusunan Kitab *Mir‘at al-Ṭullāb*.

Oleh itu, terdapat banyak pengaruh Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* dalam bab munakahat, *Mir‘at al-Ṭullāb*. Antara perbincangan hukum munakahat, *Mir‘at al-Ṭullāb* yang dinukilkan daripada Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* adalah seperti mana berikut:

1. Bab Nikah (Al-Singkīli. 1184H: 290; al-Nawawi. 2005: 374).
2. Bab Nikah (Al-Singkīli. 1184H: 293; al-Nawawi. 2005: 375).
3. Bab Nikah (Al-Singkīli. 1184H: 299; al-Nawawi. 2005: 377).

4. Bab Nikah (Al-Singkīli. 1184H: 300; al-Nawawi. 2005: 378).
5. Bab Nikah (Al-Singkīli. 1184H: 301; al-Nawawi. 2005: 378).
6. Bab Mahram (Al-Singkīli. 1184H: 314; al-Nawawi. 2005: 384).
7. Bab Mahram (Al-Singkīli. 1184H: 317; al-Nawawi. 2005: 384).
8. Bab Mahram (Al-Singkīli. 1184H: 318; al-Nawawi. 2005: 384).
9. Bab Mahram (Al-Singkīli. 1184H: 320; al-Nawawi. 2005: 385).
10. Bab Mahram (Al-Singkīli. 1184H: 328; al-Nawawi. 2005: 389).
11. Bab Khiyar (Al-Singkīli. 1184H: 333; al-Nawawi. 2005: 391).
12. Bab Mahar (Al-Singkīli. 1184H: 344; al-Nawawi. 2005: 396).
13. Bab Mahar (Al-Singkīli. 1184H: 350; al-Nawawi. 2005: 399).
14. Bab Mahar (Al-Singkīli. 1184H: 350; al-Nawawi. 2005: 400).
15. Bab Mahar (Al-Singkīli. 1184H: 353; al-Nawawi. 2005: 401).
16. Bab Khuluk (Al-Singkīli. 1184H: 370; al-Nawawi. 2005: 407).
17. Bab Khuluk (Al-Singkīli. 1184H: 371; al-Nawawi. 2005: 407).
18. Bab Talak (Al-Singkīli. 1184H: 399; al-Nawawi. 2005: 422).
19. Bab Talak (Al-Singkīli. 1184H: 400; al-Nawawi. 2005: 422).
20. Bab Talak (Al-Singkīli. 1184H: 416; al-Nawawi. 2005: 429).
21. Bab Zihar (Al-Singkīli. 1184H: 427-428; al-Nawawi. 2005: 436).
22. Bab Zihar (Al-Singkīli. 1184H: 428; al-Nawawi. 2005: 437).
23. Bab Zihar (Al-Singkīli. 1184H: 428; al-Nawawi. 2005: 438).
24. Bab Zihar (Al-Singkīli. 1184H: 429; al-Nawawi. 2005: 438).
25. Bab Zihar (Al-Singkīli. 1184H: 430; al-Nawawi. 2005: 438).
26. Bab Zihar (Al-Singkīli. 1184H: 430; al-Nawawi. 2005: 438).
27. Bab Zihar (Al-Singkīli. 1184H: 430; al-Nawawi. 2005: 439).
28. Bab Zihar (Al-Singkīli. 1184H: 431; al-Nawawi. 2005: 439).
29. Bab Zihar (Al-Singkīli. 1184H: 431; al-Nawawi. 2005: 439).

30. Bab Li'an (Al-Singkīli. 1184H: 433; al-Nawawi. 2005: 441).
31. Bab Li'an (Al-Singkīli. 1184H: 433; al-Nawawi. 2005: 441).
32. Bab Li'an (Al-Singkīli. 1184H: 434; al-Nawawi. 2005: 442).
33. Bab Li'an (Al-Singkīli. 1184H: 437; al-Nawawi. 2005: 444).
34. Bab Li'an (Al-Singkīli. 1184H: 438; al-Nawawi. 2005: 444).
35. Bab Idah (Al-Singkīli. 1184H: 442; al-Nawawi. 2005: 446).
36. Bab Idah (Al-Singkīli. 1184H: 442; al-Nawawi. 2005: 446).
37. Bab Idah (Al-Singkīli. 1184H: 444; al-Nawawi. 2005: 447).
38. Bab Idah (Al-Singkīli. 1184H: 445; al-Nawawi. 2005: 447).
39. Bab Idah (Al-Singkīli. 1184H: 447; al-Nawawi. 2005: 448).
40. Bab Idah (Al-Singkīli. 1184H: 447; al-Nawawi. 2005: 449).
41. Bab Idah (Al-Singkīli. 1184H: 449; al-Nawawi. 2005: 450).
42. Bab Idah (Al-Singkīli. 1184H: 453; al-Nawawi. 2005: 451).
43. Bab Istibra' (Al-Singkīli. 1184H: 454; al-Nawawi. 2005: 452).
44. Bab Istibra' (Al-Singkīli. 1184H: 455; al-Nawawi. 2005: 452).
45. Bab Nafkah (Al-Singkīli. 1184H: 465; al-Nawawi. 2005: 459).
46. Bab Nafkah (Al-Singkīli. 1184H: 466; al-Nawawi. 2005: 459).
47. Bab Nafkah (Al-Singkīli. 1184H: 476; al-Nawawi. 2005: 463).

Selain itu, pengarang Kitab *Mir'at al-Ṭullāb* juga turut merujuk dan menukulkan perbahasan hukum daripada kitab-kitab syarahan dan huraian kepada Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn*. Kitab-kitab tersebut adalah seperti Kitab *Hādi al-Muhtāj fī Syarḥ al-Minhāj*, karya Imam Muhammad bin Muhammad Abū al-Hasan al-Bakri (Al-Singkīli 1184H: 286), *Tuḥfah al-Muhtāj bi Syarḥ al-Minhāj*, karya Imām Shihābuddīn Ahmad bin Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Hajar al-Haitami al-Sa'di al-Anṣari (Al-Singkīli 1184H: 368, 370, 418) dan *Nihāyah al-Muhtāj ila Syarḥ al-Minhāj*, karya Imām Syamsuddīn Muhammad bin Abū al-'Abbās al-Ramli (Al-Singkīli 1184H: 446).

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa Kitab *Minhāj al-Ṭālibīn*, karya Imam Abū Zakaria Muhyiddīn Yahya bin Syaraf al-Nawawi adalah antara rujukan penting dalam bab munakahat, *Mir'at al-Ṭullāb*, iaitu sebanyak 47 tempat. Sungguh pun pada mukadimah Syeikh Abdul Rauf Bin Ali al-Fansūri al-Singkīli menyatakan bahawa kitab ini adalah terjemahan daripada *Fath al-Wahhāb bi Syarḥ Manhaj al-Ṭullāb*, karya al-Imam Abū Yahya Zakaria al-Anṣari (Al-Singkīli 1184H: 4). Namun, karya-karya lain seperti *Syarḥ al-Kabīr*, *Irsyād al-Ghāw ilā Masālik al-Hāwi*, *Hādi al-Muhtāj fī Syarḥ al-Minhāj*, *al-Iqnā' fī Ḥalli Alfāz Abī Syujā'*, *Tuḥfah al-Muhtāj bi Syarḥ al-Minhāj*, *Fath al-Jawwād bi Syarḥ al-Irsyād* dan *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj* turut dirujuk oleh Syeikh Abdul Rauf Bin Ali al-Fansūri al-Singkīli dalam bab munakahat, *Mir'at al-Ṭullāb*.

RUJUKAN

- A. Ginanjar Sya'ban. 2017. *Mahakarya Islam Nusantara*. Tangerang, Indonesia: Pustaka Compass.
- A. Hasjmy. 1977. *59 Tahun Aceh Merdeka Di Bawah Pemerintahan Ratu*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Ali Hasjmy. 1971. *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*. Jakarta: Pn Beuna.
- Al-Ahdal, Ahmad Maiqari Syumailah. 2005. *Sullam al-Muta'allim al-Muhtāj ilā Ma'rifah Rumūz al-Minhāj*. Bayrūt: Dār al-Minhāj.
- Al-Ansari, Abū Yahya Zakaria. t.th. *Fath al-Wahhāb bi Syarḥ Manhaj al-Ṭullāb*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Chaidar, Syed Maudhahar Ahmad. 1999. *Gerakan Aceh Merdeka*. Jakarta: Madani Press.
- Al-Nawawi, Abū Zakaria Yahya bin Syaraf. 2005. *Minhāj al-Ṭālibīn Wa 'Umdah al-Muḥtāj*. Bayrūt: Dār al-Minhāj.
- Al-Singkīli, Abdul Rauf. 1184H. *Mir'at al-Ṭullāb fī Tashīl al-Ma'rifat Ahkām al-Syar'iyyah li al-Malik al-Wahhāb*. Manuskrip koleksi Zawiyah Tanoh Abee, Aceh: MS 2X4.1.
- Al-Singkīli, Abdul Rauf. t. th. *Umdat al-Muhtājīn ilā Sulūk Maslak al-Muḥtājīn*. Manuskrip (MS 1314, C), Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Azyumardi Azra. 1995. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Behrend, T.E. 1998. *Katalog Induk Naskah-Naskah Nusantara Perpustakaan Nasional Republik Indonesia*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- H.M Zainuddin. 1961. *Tarich Atceh dan Nusantara*. Medan: Pustaka Iskandar Muda.
- H. Nazar Bakry. 200. *Strategi Dakwah Tarekat Syathariy*. Jakarta: Pn. The Minangkabau Foundation.
- Jelani Harun. 2013. *Mir'at Al-Tullab by Syeikh Abdul Rauf Singkel: A Preliminary Study of Manuscripts Kept in The Special Collections, Leiden University Library*. *Malay Literature* 26(2).

- Johns, A.H. 1955. *Daka'ik al-Huruf by Abd al-Rauf of Singkel*. London: JRAS.
- Katalog Manuskrip Melayu di Jerman Barat. 1992. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Malaysia Tambahan Kelima. 2008. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Malaysia Tambahan Kelima. 2012. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia. Hlm. 52-53.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Malaysia Tambahan Kelima. 2015. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Katalog Naskah Museum Aceh. 2012. Aceh: Museum Aceh.
- Koleksi Naskah-naskah Fikih di Perpustakaan dan Museum Daerah. 2011. Jakarta: Kementerian Agama RI Balai Penelitian dan Pengembangan Agama Jakarta.
- Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas. 1993. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd Daud Muhammad. 2002. Pengaruh Isra'iliyat dalam Tafsir Tarjuman al-Mustafid karangan Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri. Tesis Sarjana Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM.
- Mohamad Said. 1981. *Aceh Sepanjang Abad*. Jil. I & II. Cet. II. Medan: Waspada.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 200. *Panduan Individu Menuju ke Jalan Allah, Mesej 'Umdat al-Muhtājīn Ilā Sulūk Maslak al-Mufriḍīn*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2008. "Pemikiran Dakwah Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili". Tesis Ph.D. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Ariffin Ismail. 1998. Abd. al-Rauf: Kehidupan dan Sumbangannya dalam Islamisasi Pengetahuan dan Peradaban Melayu. Dlm. Forum ISTAC: Al-Hikmah Menjana Akal Budi Ummat. Bil. 3 PP10123/11/97, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Oman Fatthurahman. 1999. *Tanbih al-Masyi: Menyoal Wahdatul Wujud Kasus Abdurrauf Singkel di Aceh Abad 17*. Jakarta: Mizan.
- Peunoh Daly. 1994. *Hukum Perkahwinan Islam: Suatu Studi Perbandingan dalam Kalangan Ahlulsunnah dan Negara-negara Islam*. Batu Caves: Thinkers Library.
- Riddell, Peter G. 1987. *Transferring A Tradition Abd Al-Rauf Al-Singkili's Rendering into Malay of the Jalalayn Commentary*. Monograph. Berkeley: University of California.
- Rinkes, Douwe Adolf. 1909. *Abdoerraof Van Singkel: Bildrage tot de kennis van de Mystiek op Sumatra en Java*. Tesis Doktor Falsafah University Leiden.
- Teuku Iskandar. 1965. *Abdurrauf Singkel: Tokoh Shattariyyah (abad k-17)*. *Dewan Bahasa IX* (5).
- Van Hoeve. 1986. *The Encyclopaedia of Islam*. Vol. 1. Leiden: E.J. Brill.
- Wamad Abdullah & al-Fairusy, Tgk. M. Dahlan. 1980. *Katalog Manuskrip Perpustakaan Pesantren Tanoh Abee (Buku I)*. Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh.
- Wan Muhammad Shaghbir Abdullah. 1991. *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah.

Alyasak Berhan
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor
E-mel: alyasak81@gmail.com

Mohd Syukri Yeoh Abdullah (Ph.D)
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor
E-mel: syukri@ukm.edu.my

Diserahkan: 4 April 2020
Diterima: 26 Ogos 2020